

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tentang penjimatan kos projek ECRL mengikut jajaran baru berbanding dengan penjimatan sebanyak RM21.5 bilion di bawah kerajaan Pakatan Harapan dan sama ada jajaran telah pun dimuktamadkan merentasi negeri mana.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah mengkaji jajaran terbaik bagi memastikan ECRL memberi impak ekonomi yang maksima apabila disiapkan kelak. Jajaran yang terbaik dan memberi impak maksima kepada rakyat adalah seperti yang diumumkan pada 5 April 2021 di mana ECRL melalui 4 buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor. Laluan ECRL bagi Seksyen C akan melalui kawasan utara negeri Selangor iaitu Temerloh-Gombak-Serendah-Pelabuhan Klang.

Dalam mencadangkan jajaran utara, Kerajaan telah mengambilkira keperluan segera untuk membina landasan pintas Pelabuhan Klang-Serendah (Serendah Bypass), kesalinghubungan di antara perkhidmatan ECRL dan KTMB, permintaan kargo, sambungan terus ECRL ke pelabuhan Westports dan Northport melalui pembaharuan trek KTMB sedia ada dan kesan berganda kepada alam sekitar dan sosial sekiranya projek Serendah Bypass dilaksanakan secara berasingan. Selain itu, lebih banyak kawasan hutan simpan perlu ditarah untuk pembinaan projek, iaitu sepanjang 6.5 km (pelbagai lokasi) jika dilaksanakan berasingan berbanding hanya 2.5km sekiranya kedua-dua projek dilaksanakan dalam skop ECRL.

Dari aspek logistik, Kementerian Pengangkutan telah meneliti jajaran selatan ECRL Seksyen C dan mendapati jajaran tersebut tidak memberi kelebihan dari segi perkhidmatan logistik dalam jangka masa panjang memandangkan tumpuan lebih diberikan kepada perkhidmatan penumpang. Dalam hubungan ini, jajaran selatan tersebut tidak mempunyai cukup daya tarikan bagi melonjakkan aktiviti logistik di sepanjang jajarannya serta menjadikan ECRL sebagai laluan logistik rel. Selain impak kewangan, pembinaan jajaran baharu ECRL beserta Serendah Bypass akan mengakibatkan impak sosial, alam sekitar dan tadahan air dua kali ganda berbanding hanya membina jajaran asal. Semua implikasi ini dapat dielakkan dengan membina ECRL Seksyen C menggunakan jajaran asal iaitu jajaran utara.

Berkenaan dengan kos pembinaan, kos terkini ECRL adalah RM50.27 bilion termasuk pembinaan Laluan Pintas Serendah-Pelabuhan Klang (Serendah Bypass), landasan *dual-gauge* yang dari Stesen Jalan Kastam

## SOALAN NO. 31

ke Westport/Northport, pembinaan terowong sepanjang 14 km di antara Gombak dan Serendah serta langkah-langkah penyelesaian teknikal bagi meminimumkan impak sosial dan alam sekitar di Negeri Selangor.

Dari satu segi, penjajaran semula ini merupakan satu penjimatan sebanyak RM16.51 bilion kepada Kerajaan memandangkan kos asal projek ini pada tahun 2017 ialah RM66.78 bilion (termasuk Serendah Bypass) berbanding sekarang iaitu sebanyak RM50.27 bilion.

Kos pembinaan ini memberikan *value for money* di mana ia meningkatkan ketersambungan rel kargo ke hub kargo aktif melalui pembinaan Serendah *Bypass*. Ketersambungan ini meningkatkan daya tarikan untuk pemindahan mod dari jalan raya ke rel, meningkatkan kapasiti kargo bagi jaringan rel sedia ada serta menyelesaikan isu laluan kargo dari/ke utara (Pintasan Utara Serendah-Pelabuhan Klang). Faktor-faktor ini bakal menyumbang kepada aktiviti pengangkutan rel kargo yang lebih aktif di sepanjang jaringan keretapi Pantai Barat dan Pantai Timur, seterusnya meningkatkan pergerakan kargo melalui rel di seluruh negara yang kini hanya sekitar 5% sahaja.

Kelebihan dari aspek logistik ini dicapai tanpa mengurangkan tawaran servis keretapi kepada penumpang di mana transit bagi pengguna ECRL adalah di projek yang sedang dibangunkan kini iaitu Integrated Transport Terminal (ITT) Gombak, Selangor. Ketersambungan ECRL dengan ITT Gombak akan membolehkan penumpang dari negeri-negeri Pantai Timur untuk terhubung terus kepada beberapa rangkaian rel dan perkhidmatan bas. ITT Gombak ini bakal menyediakan ketersambungan kepada LRT terus ke KL Sentral (akses ke laluan MRT 2 dan ERL terus ke KLIA) serta perkhidmatan bas henti-henti/ekspres.